# SEJARAH

MODUL SEJARAH BERASASKAN ICT

TINGKATAN 4

Bab 3

# TAMADUN AWAL ASIA TENGGARA

***Teks m/s: 71 - 95***

# SEJARAH

TINGKATAN 4

Bab 3

MODUL SEJARAH BERASASKAN ICT

## ISI KANDUNGAN

**TAMADUN AWAL ASIA TENGGARA**

- **BENTUK-BENTUK KERAJAAN AWAL**
  - Kerajaan Agraria
  - Kerajaan Maritim
- **PENGARUH HINDU-BUDDHA DALAM KERAJAAN AWAL**
  - Cara Kedatangan
  - Pengaruh Dalam Sistem Pemerintahan
  - Pengaruh Dalam Kesenian & Kesusasteraan

*Teks m/s: 71 - 95*

# KERAJAAN AWAL

## ASIA TENGGARA

- Funan
- Chenla
- Angkor
- Sukhotai
- Ayuthia

## KEPULAUAN INDONESIA

- Srivijaya
- Majapahit
- Singhasari
- Langkasuka

## TANAH MELAYU

- Kedah Tua
- Gangga Negara
- Langkasuka

# BUKTI KEMUNCULAN KERAJAAN AWAL DI ASIA TENGGARA

## SUMBER CHINA

**Bukti 1**

- Kerajaan Funan wujud abad ke-3
- Catatan Kang Tai & Chu Ying yang dihantar ke Funan untuk

**Bukti 2**

- G Coedes – Kerajaan Funan wujud abad pertama
- Berpendapat – kerajaan kedua tertua Champa wujud sekitar akhir abad ke-2

## SUMBER ARKEOLOGI

- Funan wujud abad ke-3
- Bukti: Jumpaan seni arca Hindu- Buddha (langgam Amaravati dari India)

## HUBUNGAN DIPLOMATIK & PERDAGANGAN

- Hubungan diplomatik & perdagangan dgn kerajaan China & hubungan kebudayaan dengan India (bukti: artifak gendang gangsa Dongson)
- Perdagangan dgn Rom – bukti: jumpaan manik di Kuala Selingsing, Kota Tinggi & Muar, pantai barat serta selatan Thailand

# BUKTI PERKEMBANGAN PERDAGANGAN ABAD KE-5 SEBELUM MASIHI

- Perdagangan dgn Rom – bukti: jumpaan manik di Kuala Selingsing, Kota Tinggi & Muar, pantai barat serta selatan Thailand

- Pembekal bahan mentah seperti timah – diproses menjadi gendang gangsa di Dongson
- Pelabuhan pembekal

- Perkembangan perdagangan seiring dgn kemahiran pembuatan kapal layar & perahu

- Bukti arkeologi – jumpaan manik & tembikar (berlakunya perdagangan maritim)

# BENTUK-BENTUK KERAJAAN AWAL

## KERAJAAN AGRARIA

**MAKSUD**

Kerajaan berasaskan pertanian, penternakan & pemungutan hasil hutan

**LOKASI**

Di kawasan pertanian subur seperti lembah sungai (Kerajaan Dvaravati), kawasan bukit & lereng gunung berapi (Kerajaan Taruma)

**CONTOH KERAJAAN AGRARIA**

Kerajaan Angkor, Funan , Dvaravati, Sungai Merah, Sungai Mekong, Sailendra, Sukhotai, Taruma (di Tanah Tinggi Daeng)

## KERAJAAN MARITIM

*(akan dibincangkan kemudian)*

# CIRI-CIRI KERAJAAN AGRARIA

Berasaskan pertanian, penternakan, pungut hasil hutan & hasil sungai

Tanaman utama – padi sawah kerana bekalan air mencukupi

Padi huma – ditanam di kws tanah tinggi / bukit (kurang bekalan air dgn dibuat teres & relung)

Tanaman sampingan – jagung, pisang, keledek & sayur-sayuran

Tangkap ikan di sawah, paya, sungai & dapatkan kulit kura-kura

Ternak binatang – lembu, kerbau, kambing & ayam

Perkembangan pertanian dipengaruhi pembinaan sistem pengairan yang baik

Terletak di kawasan pertanian subur – lembah sungai, kawasan bukit & lereng gunung berapi

Hasilkan pelbagai jenis rempah – cengkih, lada hitam

Kumpul hasil hutan – kayu gaharu, kapur barus, tanduk, gading, damar, kayu cendana & pelbagai jenis buah-buahan

Sarang burung dari gua – tujuan perdagangan

Lebihan hasil ternakan & tanaman dipasarkan – penuhi keperluan masyarakat bandar & maritim

Peranan raja – bina & urus sistem pengairan

# KEGIATAN EKONOMI MASYARAKAT AGRARIA DI ASIA TENGGARA

Tanaman utama – padi sawah kerana bekalan air mencukupi

Padi huma – ditanam di kws tanah tinggi / bukit (kurang bekalan air dgn dibuat teres & relung)

Tanaman sampingan – jagung, pisang, keledek & sayur-sayuran

Tangkap ikan di sawah, paya, sungai & dapatkan kulit kura-kura

Ternak binatang – lembu, kerbau, kambing & ayam

Hasilkan pelbagai jenis rempah – cengkih, lada hitam

Kumpul hasil hutan – kayu gaharu, kapur barus, tanduk, gading, damar, kayu cendana & pelbagai jenis buah-buahan

Sarang burung dari gua – tujuan perdagangan

Lebihan hasil ternakan & tanaman dipasarkan – penuhi keperluan masyarakat bandar & maritim

# FAKTOR-FAKTOR PERKEMBANGAN PERTANIAN KERAJAAN ANGKOR

Pembinaan sistem pengairan yang baik – dari Sungai Mekong & Tasik Tonle Sap

Kemudahan perhubungan & pengangkutan di Sungai Mekong

Raja terlibat dalam pembinaan sistem pengairan

Mempunyai iklim panas & lembap sepanjang tahun – sesuai untuk tanaman padi sawah

Kerajaan bertanggungjawab secara langsung urus sistem pengairan

Raja Indravarman I – bina sistem pengairan & *baray* yang mampu mengairi tanah seluas 12.5 juta hektar & dapat tampung keperluan beras kerajaan Angkor

Tanah subur – sekitar Sungai Mekong & Tasik Tonle Sap yang mendapat mendapan lumpur ketika banjir


SEBAB-SEBAB KERAJAAN FUNAN BERUBAH MENJADI KERAJAAN MARITIM
Terdapat kemudahan membaiki kapal & menyimpan barang serta penginapan
Pelabuhan Oc-eo terletak di muara Sungai Mekong
Kemudahan mendapat bekalan minuman & makanan
Pelabuhan terlindung tiupan angin monsun dari Teluk Siam

# KEPENTINGAN TASIK TONLE SAP KEPADA KERAJAAN ANGKOR

Membekal sumber protein seperti
ikan kepada penduduk sekitar tasik

Air daripada tasik dialirkan ke kawasan tanaman padi dengan menggunakan terusan

Pada musim kemarau kawasan tasik menjadi subur hasil daripada mendapan lumpur

Membekal sumber air minuman

Sumber air dari tasik dapat menampung keperluan tanaman padi bagi menyediakan beras yang cukup kepada penduduk Angkor

Limpahan air Sungai Mekong pada musim banjir mengalir ke dalam Tasik Tonle Sap & Tasik menjadi luas

# BENTUK-BENTUK KERAJAAN AWAL

## KERAJAAN MARITIM

**LOKASI**

Berhampiran kawasan pesisiran pantai, lembah sungai & kepulauan

**CONTOH KERAJAAN MARITIM**

Srivijaya di Sungai Musi

Kedah Tua di Sg Mekong & Sg Muda

Langkasuka di Sg Yarang

Tiumah di Pulau Tioman, Pahang

Chih-tu di Sg Kelantan

Mo-lo-yu di Sg Batang Hari

Kalah di Sg Takuapa

Fo-lo-an di Sg Terengganu

Peng-keng di Sg Pekan, Pahang

**MAKSUD**

Kerajaan yang menjalankan kegiatan ekonomi berasaskan perdagangan & kelautan serta berfungsi sebagai pelabuhan

## KERAJAAN AGRARIA

*(telah dibincangkan terdahulu)*

# CIRI-CIRI KERAJAAN MARITIM

Berasaskan perdagangan & kelautan serta berfungsi sebagai pelabuhan

Terdapat pelabuhan pembekal berkembang kpd pelabuhan kerajaan apabila terbentuk kerajaan maritim

Menjadi pelabuhan entrepot apabila menjalin hubungan dagangan dgn kerajaan China & India

Penduduk maritim – terdiri daripada orang tempatan, orang laut & pedagang luar

Menggunakan lebih daripada satu bahasa tetapi Bahasa Melayu menjadi bahasa perhubungan atau *lingua franca* di Asia Tenggara

Terletak berhampiran kawasan pesisir pantai, lembah sungai & kepulauan

Mempunyai pelabuhan yang lengkap dgn pelbagai kemudahan – baiki kapal, simpan barang, penginapan, tempat berdagang, air & makanan

Mahir membuat kapal layar & perahu – sebabkan mereka mampu belayar jauh untuk berdagang

Barang dagangan – rempah ratus, damar, rotan, beras, logam seperti emas & bijih timah

# PERSAMAAN & PERBEZAAN KERAJAAN AWAL

**KERAJAAN AGRARIA** | **KERAJAAN MARITIM**

**Persamaan**

- -Merupakan kerajaan awal di Asia Tenggara
- -Mengamalkan sistem pemerintahan raja berkuasa mutlak
- -Menerima pengaruh agama Hindu dan Buddha

**Perbezaan**

| Kerajaan Agraria | | Kerajaan Maritim |
|---|---|---|
| Terletak di kawasan pertanian yang subur : lembah sungai | **Lokasi** | Terletak di kawasan pesisir pantai kepulauan |
| Menjalankan kegiatan berasaskan pertanian | **Kegiatan Ekonomi** | Menjalankan kegiatan berasaskan perdagangan |
| Membina sistem pengairan untuk mengairi kawasan pertanian | **Kemahiran** | Membina kapal untuk tujuan perdagangan jarak dekat dan jarak jauh |
| Membekalkan hasil pertanian untuk kerajaan maritim – beras, hasil hutan | **Peranan** | Menjadi pelabuhan entrepot untuk persinggahan kapal |

*Teks m/s: 75 - 83*

# JENIS-JENIS PELABUHAN KERAJAAN MARITIM

## 1 PELABUHAN PEMBEKAL

- Pelabuhan terawal
- Bekal barangan tempatan – bijih timah, emas & makanan kpd pedagang
- Menjadi tempat singgahan pedagang – cth: Pelabuhan Jenderam Hilir, Kuala Berang & Kuala Selingsing
- Terdapat pelabuhan pembekal bertukar kpd pelabuhan kerajaan apabila wujud kerajaan spt Champa, Kedah Tua & Srivijaya

## 2 PELABUHAN KERAJAAN

- Peringkat awal adalah pelabuhan pembekal – menjadi pelabuhan kerajaan apabila petempatan berkembang menjadi negeri
- Berperanan sebagai pembekal barang dagangan
- Menjadi tempat berdagang
- Berkembang menjadi pelabuhan entrepot kerana lokasi strategik antara China & India – cth: Kedah Tua, Srivijaya

## 3 PELABUHAN ENTREPOT

- Kedudukan strategik di laluan antarabangsa China & India
- Berperanan membekal hasil tempatan & kws takluk kpd pedagang antarabangsa
- Membeli barangan drpd pedagang antarabangsa
- Mengedar barangan kpd pedagang yg datang ke pelabuhan & jajahan takluknya
- Perdagangkan barangan hasil bumi – logam, hasil hutan,

**SEBAB-SEBAB PENDUDUK MARITIM BERJAYA MENJADI PELAUT YANG HEBAT**

- Semangat meneroka & berdagang dengan masyarakat luar kawasan
- Mampu belayar untuk berdagang ke kawasan yang jauh kerana mahir membuat perahu & kapal layar
- Mengetahui kaedah belayar ke sesuatu tempat berpandukan bintang di langit
- Ciptaan kapal layar – membolehkan mereka berdagang jarak jauh

# FAKTOR-FAKTOR KERAJAAN SRIVIJAYA MENJADI KUASA MARITIM YANG KUAT ABAD KE-7 HINGGA KE-13

Memiliki tentera laut yang besar – dianggotai pelbagai golongan rakyat termasuk Orang Laut

Tentera laut ditugaskan mengawal perdagangan di Selat Melaka

Tentera laut mengawal keselamatan kerajaan

Menjalankan dasar peluasan kuasa ke atas kawasan berhampiran seperti Jambi, Kedah Tua & Pesisir Pantai Sumatera

Menguasai laluan perdagangan Selat Melaka & Selat Sunda

Kedudukan strategik di Selat Melaka – menjadi tempat singgahan kapal pedagang antara China & India

Terdapat hasil barangan untuk perdagangan antarabangsa yang dibekalkan kawasan pemerintahan & wilayah taklukan

Dikenali kerana mampu menghasilkan kapal besar

Menyediakan kemudahan di pelabuhan – baiki kapal, penginapan & tempat simpan barang

Kemudahan bekalan makanan

Pengurusan di pelabuhan yang cekap dengan melantik Tuhan Vatakuurah

*Teks m/s: 79*

# FAKTOR-FAKTOR PERKEMBANGAN KERAJAAN KEDAH TUA

Kerajaan tertua & menjadi pelabuhan entrepot sejak abad ke-5

Berdagang dengan banyak negara seperti China & Timur Tengah – bukti: jumpaan pelita tembaga, tembikar & manik ( dr India, Sri Lanka & Burma)

Terdapat kemudahan simpan barang dagangan, baiki kapal, tempat berdagang & penginapan kepada pedagang

Peranannya sebagai entrepot sebelum Melaka -bukti: jumpaan tembikar China zaman Dinasti Tang

Kedudukan strategik di laluan Selat Melaka yang terlindung tiupan angin monsun barat daya & Timur laut

Gunung Jerai menjadi panduan kapal dagang keluar masuk terutama pada waktu malam melalui nyalaan api

Kaya hasil bumi – damar, rotan
Kaya sumber bumi – timah
Barang dagangan luar – kain kapas, sutera, teh, tembikar, kaca & manik

*Teks m/s: 81 - 83*

# SEBAB-SEBAB KERAJAAN AGRARIA SALING BERGANTUNG DENGAN KERAJAAN MARITIM

**KERAJAAN AGRARIA**

- Agraria mempunyai penduduk ramai & dapat bekalkan tenaga kerja kepada maritim
- Agraria bergantung kepada maritim untuk dapatkan barangan mewah dari negara China & India – sutera
- Agraria perlukan pelabuhan maritim untk pasarkan barangan
- Beras menjadi dagangan utama antara kerajaan agraria & maritim

**KERAJAAN MARITIM**

- Maritim dapatkan bahan mentah seperti kayu untuk membuat kapal daripada agraria
- Maritim peroleh gajah daripada agraria sebagai kenderaan raja
- Maritim bergantung kepada kerajaan agraria untuk dapatkan tukang-tukang mahir seperti tukang kayu & tukang batu
- Maritim menjalankan perdagangan entrepot bergantung kepada agraria bagi bekalan barang dagangan seperti hasil hutan

# BUKTI PENGARUH HINDU & BUDDHA DI ASIA TENGGARA

- Peninggalan data arkeologi menunjukkan ciri Hindu di Lembah Bujang, Buddha di Srivijaya & Hindu-Buddha di Angkor Wat
- Data catatan I-Tsing terdapat 1000 bhisku pelajari agama Buddha di Srivijaya sebelum lanjutkan pelajaran ke Nalanda, India
- Atisa – guru agama Buddha dari Tibet pernah belajar di Srivijaya selama 12 tahun
- Pengaruh seni agama Hindu-Buddha terhadap seni tempatan

# CARA-CARA PENGARUH HINDU-BUDDHA TERSEBAR DI ASIA TENGGARA

## 4 Cara

1. Dibawa golongan Ksyatria atau tentera golongan penakluk dari India yang membentuk tanah jajahan takluk di Asia Tenggara

2. Dibawa pedagang atau vaisya melalui aktiviti perdagangan antara Asia Tenggara dengan India

3. Dibawa golongan Brahmin atau pendeta yang mengetuai pelbagai upacara keagamaan di istana raja kerajaan awal

4. Pengambilan terus aspek-aspek kebudayaan India yang menarik oleh pemerintah & kemudian disesuaikan dengan budaya tempatan (proses asimilasi)

*Teks m/s: 84*

# PENGARUH HINDU-BUDDHA DALAM SISTEM PEMERINTAHAN & PENTADBIRAN KERAJAAN AWAL ASIA TENGGARA

## Sistem beraja

- Gelaran raja kepada ketua pemerintah
- Dibawahnya kerabat diraja & pembesar termasuk ahli agama (Brahmin), rakyat & hamba
- Raja berkuasa mutlak
- Perintah raja adalah undang-undang yang wajib dilaksanakan
- Sekiranya melanggar perintah bermakna menderhaka & tidak akan diampunkan
- Raja perlu adil terhadap golongan yang diperintah

- Menggunakan unsur mitos untuk kuatkan kedudukan raja
- Adat istiadat pertabalan raja oleh golongan Brahmin bagi kukuhkan kedaulatan
- Konsep *orde kosmos* (alam semesta) – cth: Raja Suryavarman II bina Angkor Wat
- Raja dibantu oleh pembesar (pegawai tentera & hakim) – setiap daerah terdapat pembesar daerah & gabenor
- Golongan Brahmin berperanan penting dalam upacara keagamaan

# CARA RAJA-RAJA DI ASIA TENGGARA MENGUKUHKAN KEDUDUKAN

- Menjadi ketua pemerintah
- Berkuasa mutlak
- Ketua tentera
- Pemegang khazanah negara
- Raja bayangan tuhan
- Peranan golongan Brahmin mengaitkan raja dengan bayangan tuhan

- Gunakan unsur mitos & lagenda (asal-usul raja sebagai Dewa Raja)
- Raja memiliki kuasa kesaktian luar biasa
- Jadikan ibu kota sebagai pusat alam (*orde kosmos*)
- Jalankan adat istiadat pertabalan raja – untuk bezakan kedudukan raja dengan rakyat

# SISTEM PEMERINTAHAN KERAJAAN SRIVIJAYA DALAM KERAJAAN AWAL DI ASIA TENGGARA

1. Pemerintahan beraja

   (raja sebagai ketua pemerintah)

2. entadbiran secara berpusat

3. Dibantu – 4 kumpulan anak raja

   (yuvaraja, pratiyuvaraja, raja kumara & raja putra)

4. orang anak raja yang awal boleh menggantikan raja kecuali raja putra (anak gundik)

5. Di bawah anak raja terdapat parvanda atau senapati (ketua pentadbiran pusat)

6. Dibawahnya – hakim, temenggung, penghulu & hamba raja (golongan paling rendah dalam hierarki pentadbiran)

7. Pentadbiran daerah ditadbir datu – parvanda (keturunan aja) & bhupati (orang kaya)

8. Pelantikan datu mengikut upacara angkat sumpah di tempat suci iaitu di Telaga Batu (Palembang) – sebagai taat setia kepada sultan

# MONUMEN DAN CANDI

## MONUMEN

- Merupakan bangunan yang dibina daripada batu bata
- Tujuan binaan – memperingati orang ternama atau peristiwa penting

## CANDI

- Merupakan contoh binaan monumen
- Contoh: kuil, wat, stupa, arca & patung
- Candi terkenal seperti:

- Candi Angkor Wat, Candi Borobudur, Candi Lembah Bujang, Candi Dieng, Candi Prambanam, Candi Chaiya & Yarang

# KEPENTINGAN CANDI KEPADA KERAJAAN AWAL DI ASIA TENGGARA

Monumen keagamaan bagi agama Hindu & Buddha

Berperanan sebagai rumah ibadat atau wat (Thailand, Kemboja, Vietnam) & stupa (Burma)

Berfungsi sebagai tempat simpan abu jenazah raja & keluarga

Tempat menyimpan patung dewa utama

Lambang keagungan seseorang pemerintah berdasarkan kehebatan seni binanya

Candi Angkor Wat & Borobudur – lambang *orde kosmos* iaitu raja & ibu kota sebagai pusat alam

Lambang kehebatan ahli seni agama Asia Tenggara dalam melahirkan monumen keagamaan

# CIRI-CIRI SENI BINA CANDI YANG DITEMUI ZAMAN AWAL DI ASIA TENGGARA

## CANDI ANGKOR WAT (Kemboja)

•Dibina untuk agama Hindu di Kemboja

•Dibina oleh Raja Suryavarman II

•Melambangkan *orde kosmos*

•Tinggi 213 meter & luas 208 hektar

•Mempunyai tempat pemujaan di bahagian tengah setinggi 39 meter dengan teres bertingkat 4

•Setiap sudut mempunyai menara

•Bahagian luar terdapat tembok daripada batu laterit & batu pasir

•Terdapat ukiran di dinding yang menggambarkan epik Ramayana & Mahabharata

## CANDI BOROBUDUR (Indonesia) – 75 tahun

•Dibina untuk agama Buddha Mahayana di Jawa Tengah

•Terdiri daripada 9 tingkat & terdapat pagar langkan dengan relief lukisan Buddha

•Setiap tingkat melambangkan satu tahap kehidupan – diwakili patung stupa & patung Buddha

•Tingkat 1 terdapat ukiran cerita kehidupan Gautama Buddha

•Bahagian paling atas melambangkan tahap nirwana iaitu tahap manusia bebas daripada nafsu

•Stupa terbahagi kepada 3 tingkat - ia melambangkan 3 tahap kehidupan – sila

## CANDI LEMBAH BUJANG (Kedah)

•Dibina untuk agama Hindu & Buddha di Kedah

•Candi agama Hindu:

-Terbahagi 2 bahagian utama iaitu Vimana & Mendapa

-Vimana ialah bahagian suci tempat arca keagamaan

-Mendapa ialah bahagian luar candi

•Candi agama Buddha:

- Memiliki pelan *cruciform*

# KEPENTINGAN BAHASA SANSKRIT

# ZAMAN KERAJAAN AWAL DI ASIA TENGGARA

Batu bersurat di Lembah Bujang mengandungi arahan & pemberitahuan kepada rakyat

Meningkatkan pencapaian dalam bidang intelek masyarakat

Inskripsi di Palembang ditulis dalam bahasa Melayu kuno – berkaitan pemerintahan & amaran raja kepada rakyat & pembesar agar tidak derhaka

Pengaruh ke dalam bahasa Melayu – dosa, duka, derhaka, manusia, pahala, rupa, sengsara & huruf

Batu bersurat – mengandungi maklumat agama, pemerintahan, agama & undang-undang

Batu Bersurat Kutei menjelaskan tentang keturunan raja

Sebahagian tulisan dipahat pada batu memerlukan kemahiran tinggi & asas kukuh dalam bahasa sanskrit

Batu Bersurat Sungai Mas (Kedah Tua) berkaitan ajaran Buddha

Merupakan bahasa ilmu & komunikasi kerajaan awal

# PENGARUH HINDU & BUDDHA DALAM BIDANG KESUSASTERAAN ZAMAN KERAJAAN AWAL ASIA TENGGARA

Unsur mitos dalam kesusasteraan klasik Asia Tenggara – hasil pengaruh sastera India seperti epik Ramayana, Mahabharata & Puranas

Pengaruh sastera India dalam puisi & prosa Jawa seperti Nagarakertagama, Sutasoma, Arjunwiwaha & Kunjarkarna

Epik Ramayana melahirkan Hikayat Seri Rama

Epik Mahabharata melahirkan naskah hikayat yang diadun unsur tempatan seperti Hikayat Pendawa Lima, Hikayat Pendawa Jaya & Hikayat Sang Samba

Cerita-cerita epik Ramayana & Mahabharata telah mempengaruhi cerita lisan & teater seperti wayang kulit

## BUKTI PENGARUH HINDU & BUDDHA
## DALAM KERAJAAN AWAL ASIA TENGGARA

Pemerintahan beraja & raja sebagai ketua pemerintah

Raja berkuasa mutlak & rakyat tidak boleh langgar perintah raja

Raja dianggap dewa raja, wakil tuhan dibumi

Adat istiadat tabal raja oleh golongan Brahmin

Brahmin golongan tertinggi selepas raja & amat berpengaruh

Bahasa Sanskrit menjadi bahasa komunikasi & ilmu

Seni bina candi merupakan pengaruh Hindu-Buddha

Pengaruh bahasa Sanskrit dalam bahasa Melayu

Sebuah negara menggambarkan satu alam semesta atau *orde kosmos*

Raja bertanggungjawab atur kesejahteraan negara & rakyat selaras dengan Dharma (peraturan alam semesta)

Terdapat istilah pentadbiran menggunakan bahasa sanskrit seperti gelaran, arahan raja & sistem perundangan

Unsur mitos, prosa, puisi & hikayat dalam sastera klasik hasil pengaruh epik Ramayana, Mahabharata & Puranas